

91 terima darjah kebesaran Pahang

KUANTAN 24 Okt. - Tengku Panglima Perang Pahang, Datuk Seri Tengku Abdul Aziz Sultan Abu Bakar mendahului senarai 91 penerima darjah kebesaran Pahang Sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Pahang di Balai rung Seri, Istana Abu Bakar di sini hari ini.

Tengku Abdul Aziz yang juga adinda Sultan Pahang menerima darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Selain itu, seramai 24 orang lagi menerima darjah SSAP, tiga orang menerima darjah Sri Indera Mahkota Pahang (SIMP), 15 menerima Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) dan 48 orang menerima Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang masing-masing membawa gelaran Datuk.

Antara yang dianugerahkan SSAP ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron; Menteri Pelancongan Timor Leste, Francisco Kalbuadi Lay; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pahang, Datuk Seri Ishak Muhammad; Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail; Timbalan Peguam Cara Negara I, Datuk Seri Tun Abd. Majid Tun Hamzah; Ketua Penga-

rah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Datuk Seri Zainal Rahim Seman dan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Datuk Seri Ir. Zainor Rahim Ibrahim.

Turut menerima SSAP ialah Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azizan Ahmad; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Mustafar Ali; Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Datuk Seri Mustafa Ibrahim; Pengerusi Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat), Leftenant Jeneral (B) Datuk Seri Abdul Aziz Ibrahim; Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Leftenant Jeneral Datuk Seri Sabri Adam dan Setiausaha Politik Menteri Kewangan, Datuk Seri Ghazali Ibrahim.

Sementara itu, tiga orang menerima darjah SIMP iaitu Pengerusi Jemaah Tertinggi Bakat Udara, Puan Sri Khairani Mohd. Zain; Pegawai Kemajuan Negeri Pahang, Datuk Mohamad Roslan Harun dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Mohd. Ridhuan Ramli.

Antara penerima DSAP pula ialah Orang Besar Berlapang, Da-

tuk Tengku Ibrahim @ Alam Shah Tengku Abdul Ghani; Pengarah MFDM Holdings Sdn. Bhd., Datin Seri Zurina Dadameah Zulkiflee Dadameah; Pemangku Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Kamarudin Md. Isa; Timbalan Setiausaha Kerajaan (pembangunan), Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri, Datuk Suhaimi Mohd. Yunus; Pengarah Tanah dan Galian Pahang, Datuk Nazri Abu Bakar; Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Pahang, Datuk Wan Bakri Wan Ismail; Pengarah Jabatan Kesihatan Pahang, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar; Pengarah Pengairan dan Saliran Pahang, Datuk Shahrudin Ibrahim dan Setiausaha Sulit Sultan Pahang, Datuk Ahmad Khirrizal Ab. Rahman.

Penerima DIMP pula antaranya ialah Pengarah Syarikat Gempa Trans Tours Sdn. Bhd., Datuk Mohamad Nazri Sheikh Osman; Duta Besar Malaysia ke Maghribi, Datuk Jamal Hasan; Duta Besar Malaysia ke Republik Croatia, Datuk Saiful Azam Matinus Abdullah; Pengurus Besar Kanan (Operasi) Tabung Haji, Datuk Adi Azuan Abdul Ghani; Pengurus Besar Yayasan Pahang, Datuk Mahmud Mohd. Nawawi dan Setiausaha Sulit Kanan Menteri Kewangan, Datuk Nor Azita Abdul Rahman.



TENGGU Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah memakainya Darjah Kebesaran Peringkat Pertama Sri Sultan Ahmad Shah Pahang yang membawa gelaran Datuk Seri kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri Pahang sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Pahang di Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang, semalam. - BERNAMA